

17 AUG 1996
Abdullah - Turki
TURKI MINTA SOKONGAN M'SIA UNTUK SERTAI ASEM

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Turki hari ini secara rasmi meminta sokongan Malaysia bagi membolehkannya menyertai Sidang Kemuncak Asia-Eropah (Asem), kata Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Katanya, permintaan itu dinyatakan oleh Perdana Menteri Turki, Prof Dr Necmettin Erbakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perbincangan dua hala antara delegasi Malaysia dan Turki.

"Dr Mahathir berkata Malaysia akan menyampaikan hasrat Turki itu kepada pihak yang berkenaan," katanya ketika memberikan butiran mengenai mesyuarat itu kepada pemberita di sini.

Mesyuarat Asem yang pertama diadakan di Bangkok Mac lalu. Ia menemukan pemimpin-pemimpin 15 negara Kesatuan Eropah dengan rakan sejawatan mereka dari negara-negara Asia termasuk tujuh anggota Asean, China, Jepun dan Korea Selatan.

Abdullah berkata perbincangan tertumpu kepada usaha meningkatkan kerjasama antara kedua-dua buah negara khususnya di bidang ekonomi.

Dr Erbakan yang tiba semalam untuk melakukan lawatan tiga hari ke Malaysia sebelum itu mengadakan pertemuan empat mata dengan Dr Mahathir. --

Menteri Luar berkata kedua-dua Perdana Menteri itu juga bersetuju menetapkan RM3,800 juta (AS\$1.5 bilion) sebagai sasaran jumlah perdagangan dua hala setahun. Malaysia dan Turki mencatatkan jumlah perdagangan RM201 juta bagi tiga bulan pertama tahun ini.

Abdullah berkata mereka mengenalpasti bidang-bidang yang boleh ditingkatkan kerjasama antara kedua-dua negara seperti pembinaan, pertahanan, elektronik, industri kereta dan pelancongan.

"Mereka mengakui bahawa peranan sektor swasta adalah penting untuk mengeratkan hubungan perdagangan antara Malaysia dan Turki," katanya dan menambah kedua-dua pemimpin bersetuju mewujudkan memorandum persefahaman ke arah meluaskan kerjasama di bidang-bidang berkenaan.

Menurutnya, Dr Mahathir berkata memang menjadi hasrat Malaysia untuk menyertai projek pembangunan di Turki termasuk di kawasan perdagangan bebas negara Mediterranean itu bagi membolehkannya menembusi pasaran Eropah dan Balkan.

Abdullah berkata Dr Mahathir dan Dr Erbakan bersetuju supaya Asean yang dianggotai Brunei, Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand dan Vietnam mengadakan hubungan dengan Kerjasama Ekonomi yang disertai Komanwel Negara-negara Bekas Soviet Union (CIS), Iran, Afghanistan, Pakistan dan Turki.

Katanya Malaysia meminta bantuan Turki bagi membolehkannya memainkan peranan aktif dalam pembangunan di Balkan dan negara-negara anggota CIS dan diharapkan sektor swasta kedua-dua belah pihak mengadakan usahasama di kawasan terbabit khususnya dalam sektor pembinaan.

Syarikat penerbangan Turki juga dijangka mengadakan perkhidmatan ke Malaysia sedikit masa lagi, kata Abdullah.

Katanya kedua-dua pemimpin berpuas hati dengan kerjasama politik yang wujud antara Malaysia dan Turki termasuk penglibatan mereka dalam Persidangan Negara-negara Islam dan di Bosnia Herzegovina. -- BERNAMA

MAM OBA